


**YANG DISUKAI MALAYA  
MINUMAN YANG MENYEGARKAN**

# **ORANGE CRUSH FREEZE AND NIB**

**YANG BAIK UNTUK KESIHATAN TUAN**



## **ZULKAEDAH**

(Oleh Pencinta Qalam)

Sempurna Syawal Zulkaedah pun tiba

Bulan haram berperang bersebab

Zaman Jahiliyah zaman purba

Bersetuju berdamai daripada penceroboh.

Bulan Zulkaedah dijanjikan aman

Sekalian bermusuh jadilah teman

Bersediakan "Haji" anggaran pedoman

Di seluruh Arab berlaku senyuman.

Berlaku senyuman menunggukan "Haji"

Untuk ibadat masing-masing kaji

Tak boleh berperang menurut janji

Siapa melanggar hina dan keji.

Bulan Zulkaedah di dalam syarak

Afdal membanyakkan pekerjaan umrah

Menurut Nabi Saidina Pemurah

Bulan inilah diri dikerah

Di bulan ini Saidina Muhammad

Membanyakkan umrah berbuat khidmat

Kepada Allah memohonkan rahmat

Supaya diturut sekalian umat.

Umat di Mekah beruntunglah ia

Menurut langkah Saidul Al-Anbia

Kita di sini jangan sia-sia.

Buatlah kebajikan seberapa daya.

Kerjakan suruh tinggalkan tegah

Di dalam ibadat biar semenggah

Ikhlas jangan mencari megah

Kerana Allah seberapa gagah

Di dalam muamalat turutlah kaedah

Membetuli syarak mencari faedah

Rajin usaha rezeki mudah

Tidak boleh akhirnya padah.

Carilah halal tinggalkan haram

Hatta rezeki sebuku garam

Jangan diturut nafsu yang geram

Ke dalam neraka akhirnya karam.

Zulkaedah bulan sebelas

Sedarlah kita umur yang jelas

Masa yang lepas nak dapat di ulas

Tanggunlah rugi siapa yang malas.